

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1987/88

**EBU 401/2 - JURUTERA DALAM MASYARAKAT II**

Tarikh: 2 November 1987

Masa: 9.00 - 11.00 pagi  
(2 jam)

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA (3) mukasurat yang bercetak sebelum memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab EMPAT (4) soalan, DUA (2) dari Bahagian A, dan DUA (2) dari bahagian B.
3. Semua jawapan MESTILAH dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

**BAHAGIAN A**

1. Apakah agensi dan terangkan bagaimana sesuatu agensi itu boleh wujud?

(100 markah)

2. Sila nyatakan apakah tugas-tugas yang tersirat yang dikenakan ke atas pihak majikan di dalam Undang-Undang Buruh.

(100 markah)

3. Pada hari Buruh yang lepas Cikgu Mat membawa murid-muridnya di atas permintaan mereka sendiri pergi 'jungle trekking' di Gunung Paku. Don, salah seorang daripada murid Cikgu Mat telah jatuh dan patah tangannya. Don kemudiannya di bawa ke hospital dan bapanya Dol, telah diberitahu. Dol tiba di hospital dan tanpa usul periksa, ia terus membelasah Cikgu Mat. Di samping itu Dol juga merampas jam tangan Cikgu Mat yang bernilai \$ 10,000. Dol ditangkap polis. Semasa ia dilepaskan atas jaminan, ia pergi berjumpa dengan Cikgu Mat dan memujuk Cikgu Mat supaya menarik balik laporan polisnya dan berjanji untuk membayar harga jam itu yang telah dijualnya dan juga membayar pampasan ke atas kecederaan Cikgu Mat. Cikgu Mat bersetuju untuk menarik balik laporannya.

Sila bincangkan undang-undang yang terlibat dan tindakan yang boleh/tidak boleh diambil oleh pihak yang terlibat.

(100 markah)

4. Sila huraikan bidangkuasa Mahkamah Tinggi di dalam kes jenayah dan sivil.

(100 markah)

**BAHAGIAN B**

5. (a) Huraikan konsep perakaunan berikut:-

- i) Konsep penglibatan yang berterusan
- ii) Konsep terakru

(b) Bincangkan sifat-sifat penting yang berikut bagi Syarikat Berhad

- i) Tanggungan
- ii) Bilangan pemilik dan modal

(c) Bincangkan langkah-langkah penting yang berikut di dalam penilaian penyata kewangan.

- i) Meneliti laporan juruodit
- ii) Menganalisa polisi perakaunan digunakan.

(100 markah)

6. Berikut adalah data-data dari enam buah firma di dalam industri yang sama. Firma-firma ini juga mempunyai saiz yang hampir sama:

Syarikat	A	B	C	D	E	F
Jualan ('000)	10	20	8	5	12	18
Jumlah aset ('000)	8	10	6	2.5	4	8
Pendapatan bersih ('000)	0.8	2	0.8	0.5	1.5	1

(a) Kirakan

- i) pusingan aset
- ii) margin pendapatan bersih
- iii) pulangan ke atas jumlah aset

Huraikan maksud nisbah-nisbah tersebut.

(b) Firma manakah yang nampaknya menghadapi masalah? Apakah masalah itu?

(c) Apakah maklumat lain yang anda perlu untuk menyokong analisa anda.

(100 markah)